

# Gelombang haba di Britain dijangka naik 10 kali ganda

Suhu tinggi cetus kebakaran musnahkan puluhan rumah di London

**Paris:** Satu data penyelidikan menunjukkan gelombang haba yang berpunca daripada perubahan iklim di Britain mungkin akan meningkat sekurang-kurangnya 10 kali lebih tinggi.

Di kawasan timur England merekodkan suhu tinggi sepanjang masa 40.3 darjah Celsius dan cuaca panas itu mencetuskan kebakaran yang memusnahkan puluhan rumah di London.

Secara keseluruhan, sekurang-kurangnya 34 lokasi di Britain mencatat rekod tertinggi pada 20



Penduduk menutup kepala ketika berjalan di Hyde Park, London akibat cuaca panas melampau yang melanda Britain. (Foto AFP)

Julai, ketika gelombang panas memuncak di kawasan barat Eropah.

Pasukan penyelidik antarabangsa cuba menggambarkan cuaca panas melampau seperti itu berlaku sebelum era perindustrian bermula pada pertengahan abad ke-19.

Mereka kemudian membandingkan kemungkinan itu dengan ge-

lombang haba yang berlaku dalam iklim semasa - iaitu bumi hampir 1.2 darjah Celsius lebih panas secara purata berbanding pada zaman praindustri.

Mereka memfokuskan suhu maksimum di wilayah Britain yang paling terjejas iaitu di England tengah dan Wales timur,

dan mendapati haba yang memecahkan rekod itu sekurang-kurangnya 10 kali lebih tinggi, berkemungkinan berpunca oleh gas rumah hijau yang dihasilkan oleh manusia yang mengakibatkan pemanasan global.

Kajian itu mendapati kejadian haba melampau di seluruh Eropah meningkat lebih daripada yang dianggarkan oleh model iklim.

Model janaan komputer itu turut menganggarkan bahawa pelepasan gas rumah hijau meningkatkan suhu dalam gelombang haba pada Julai sebanyak dua darjah Celsius tetapi sebenarnya, gelombang haba adalah empat darjah Celsius lebih panas berbanding tanpa pemanasan buatan manusia.

“Di Eropah dan bahagian lain di dunia, kami melihat semakin banyak gelombang haba yang memecahkan rekod menyebabkan suhu melampau yang menjadi lebih cepat daripada kebanyakan model iklim,” katanya. AFP